

26/02/2003

PBB yakin kemampuan Malaysia

PERTUBUHAN Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yakin Malaysia sebagai sebuah negara Selatan yang berjaya, adalah sebuah negara yang mampu menerajui usaha penyuburan semula NAM.

"Dan Malaysia menyelesaikan krisis (kewangan) menerusi kaedah sendiri dan ini bermakna (mereka) tidak dikuasaipihak lain," kata Lakhdar Brahimi yang mewakili Setiausaha Agung PBB Kofi Annan pada Sidang Kemuncak NAM ke-

13 di sini.

Beliau berkata NAM mempunyai pembimbing yang berkebolehan kerana pengerusi barunya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah seorang pemimpin berkaliber dan dihormati oleh Dunia Ketiga.

Katanya, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan meneruskan usaha itu tanpa masalah apabila Dr Mahathir bersara Oktober ini.

Brahimi berkata daripada pemerhatiannya, idea penyuburan semula NAM mendapat sambutan baik daripada semua 116 anggota pergerakan itu.

"Semua menyambut baik idea menyuburkan semula pergerakan yang kelihatan

dorman selepas Perang Dingin berakhir," katanya.

Pada perkembangan lain, Brahimi berkata sidang kemuncak NAM telah dianjurkan dengan baik walaupun ia membabitkan bilangan negara yang besar.